

PKR kecewa Dr. M mungkir janji

Um - 14/2/2019 m/d. 2

IPOH 13 Feb. - Naib Presiden PKR, Chang Lih Kang kecewa terhadap Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana menerima penyertaan bekas Ahli Parlimen UMNO ke dalam parti itu.

Lih Kang yang juga Ahli Parlimen Tanjung Malim menyifatkan keputusan Perdana Menteri itu sebagai satu pengkhianatan kepada rakyat.

Menurutnya, beliau kecewa kerana Dr. Mahathir tidak berpegang pada janjinya sebelum ini untuk tidak menerima ahli UMNO yang meninggalkan parti itu ke dalam mana-mana parti komponen Pakatan Harapan (PH).

“Pada Mei 2018, Dr. Mahathir dengan jelas menegaskan ba-

hawa PH tidak akan menerima bekas ahli UMNO ke dalam PH.

“Namun amat mengecewakan apabila tidak sampai setahun, Dr. Mahathir tidak berpegang pada janjinya,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Semalam, enam bekas Ahli Parlimen UMNO menyerahkan borang dan menerima keahlian memasuki Bersatu.

Lih Kang menggesa parti komponen PH berhenti daripada menerima bekas Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) kerana ini memberi gambaran buruk terhadap kerajaan.

“Rakyat telah membuat

keputusan menggulingkan BN dalam PRU-14 dan PH tidak sepatutnya menolak keputu-

san rakyat itu dengan cara menerima bekas wakil rakyat daripada rejim terdahulu ke dalam kerajaan sekarang,” katanya.

Menurutnya, mungkin ada yang berpandangan bekas penyertaan bekas wakil rakyat UMNO akan meningkatkan sokongan orang Melayu terhadap Bersatu

atau PH namun beliau mempunyai pandangan yang berbeza.

Katanya, rakyat luar bandar tidak akan menyokong PH hanya disebabkan parti itu mempunyai ramai wakil rakyat Melayu.



CHANG LIH KANG